



**MENTERI KANAN  
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

**KENYATAAN MEDIA**

**BAJET 2023: MITI TERUS MENCERDASKAN EKONOMI NEGARA  
AGAR SENTIASA BERDAYA SAING DI PERSADA GLOBAL**

---

Malaysia terus mencatatkan pencapaian luar biasa dari segi pelaburan yang diluluskan, perdagangan antarabangsa serta pembangunan industri yang mampan walaupun menghadapi cabaran global semasa akibat tekanan inflasi, perubahan iklim serta ketegangan geopolitik. Namun begitu, MITI akan memberi tumpuan kepada tiga bidang untuk memastikan momentum itu kekal kukuh, iaitu, perdagangan dan pembangunan lestari, daya tahan rantai bekalan dan pembangunan modal insan.

Dalam pada itu, peruntukan kepada MITI dalam Bajet 2023 berjumlah RM1.557 bilion yang meliputi peruntukan mengurus sebanyak RM625.09 juta dan peruntukan pembangunan bernilai RM932.45 juta, akan terus memperkasa inisiatif-inisiatif MITI dan 13 agensi di bawahnya untuk mencerdaskan ekonomi negara agar sentiasa berdaya saing khususnya dalam membangunkan industri, meningkatkan perdagangan antarabangsa dan menarik pelaburan berkualiti.

MITI akan teruskan usaha mengekalkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang terpilih demi pelaburan baharu yang berkualiti tinggi, berteknologi tinggi dan berteknologi hijau. Ini seiring dengan usaha Dasar Pelaburan Baharu (NIP) yang baru dilancarkan yang memberi penekanan kepada Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan melonjakkan trajektori pertumbuhan jangka panjang negara.

MITI terus komited untuk mengorak langkah mencipta kekayaan negara, memacu pertumbuhan ekonomi lestari, menyediakan peluang pekerjaan berkualiti, meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan menjamin kemakmuran bersama. Dalam

usaha kita menghadapi cabaran, MITI akan melakukan yang terbaik untuk negara dan rakyat.

Ini sekaligus menyokong pelaksanaan dasar-dasar utama seperti Rancangan Malaysia Kedua Belas, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Dasar Pelaburan Baharu Berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA), Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 (Industry4WRD), Rangka Tindakan Perdagangan Nasional 2021-2025 dan Dasar Automotif Nasional 2020 (NAP 2020).

Sebagai usaha untuk memelihara alam sekitar yang bersih, penawaran kereta elektrik (EV) ke dalam pasaran negara adalah digalakkan. Justeru, MITI telah berbincang dengan Kementerian Kewangan di mana Kerajaan bersetuju memberi pengecualian bayaran fi AP sebanyak RM10,000 ke atas setiap unit EV yang diimport oleh syarikat-syarikat pemegang lesen import (AP) terbuka yang telah dilantik oleh MITI.

Pengecualian ini diharap akan menyokong usaha MITI dalam meningkatkan penawaran kereta EV di pasaran yang secara langsung dapat membantu membangunkan ekosistem EV selaras dengan NAP 2020 serta sasaran untuk menjadikan Malaysia sebagai hab automotif serantau bagi pengeluaran Kenderaan Cepak Tenaga (*Energy Efficient Vehicle – EEV*) termasuk EV.

Ekonomi Malaysia berada di landasan pertumbuhan dan pemulihan yang kukuh, dengan pelaburan terus berkembang untuk tempoh Januari hingga Jun 2022. Sejumlah RM123.3bilion pelaburan diluluskan dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan utama telah direkodkan, mewujudkan hampir 58,000 peluang pekerjaan.

MITI berpegang teguh dengan sistem perdagangan pelbagai hala yang berpaksikan prinsip WTO. Justeru, kita akan mengejar peluang pasaran eksport melalui perjanjian perdagangan bebas seperti RCEP dan CPTPP, mengguna pakai persekitaran kawal selia yang mesra perniagaan dan pragmatik serta memberikan sokongan kepada industri kami terutamanya PKS serta generasi muda untuk menghadapi cabaran yang akan datang.

Kearah pembangunan belia, MITI telah melancarkan beberapa inisiatif termasuk *Academy in Factory* (AiF) oleh MPC dan Program *Employability and Re-Training Local Talent* (ERT) oleh MARii melibatkan pendekatan holistik terhadap pendidikan dan latihan TVET. Program dan usaha ini berjaya memenuhi keperluan industri bagi tenaga mahir dalam sektor pembuatan dan lepas jualan, sekaligus membangunkan tenaga kerja mampan dan memberi belia tempatan peluang cerah untuk mendapat pekerjaan yang berkualiti, di samping meningkatkan prestasi pencapaian pendidikan rakyat.

Bagi tahun 2023, negara akan mendepani cabaran berbeza dan ketidaktentuan berikutan perkembangan global. MITI akan terus memperkasa pembangunan industri, perdagangan antarabangsa dan pelaburan yang berkualiti dalam mengatur strategi daya saing Malaysia di arena global serta memacu ekonomi negara yang dinamik, progresif dan mampan demi kesejahteraan rakyat.

**DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI**

**8 OKTOBER 2022**